

Peringatan senyap lahir pelajar UPM cemerlang

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program kecemerlangan mahasiswa dikenali ‘Bersama Mencemerlangkan Akademik dan Sahsiah Pelajar’ bermula September ini, bertujuan melahirkan graduan terbaik yang memiliki kemahiran meluas.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Alumni UPM, Profesor Madya Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata program secara berterusan itu akan membabitkan setiap pelajar universiti berkenaan.

“Program ini bagi memastikan setiap pelajar cemerlang yang diterima melanjutkan pelajaran di UPM akan menamatkan pengajian mereka

dengan keputusan terbaik.

“Sepanjang kempen ini, kita akan menjalankan beberapa aktiviti antaranya meletakkan banting di kawasan tumpuan pelajar yang memaparkan kata-kata harapan golongan ibu bapa, selain nilai mulia yang perlu ada dalam diri mahasiswa untuk bergelar individu cemerlang.

Kata-kata nasihat

“UPM juga akan menampal kata-kata nasihat melalui ‘silent reminder’ atau peringatan senyap, di seluruh sudut utama kampus seperti matlamat sebenar mereka memasuki UPM supaya tumpuan pembelajaran tidak tersasar,” katanya ketika ditemui BH, baru-baru ini.

Mohammad Shatar berkata,



“Program ini bagi memastikan setiap pelajar cemerlang yang diterima melanjutkan pelajaran di UPM akan menamatkan pengajian mereka dengan keputusan terbaik”

Mohammad Shatar Sabran,
Timbalan Canselor Hal Ehwal Pelajar
dan Alumni UPM

melalui kempen sama, UPM melaksanakan peraturan pemakaian tepat bagi memastikan penampilan pelajar lebih sopan dan bersesuaian status.

Wajib berpakaian kemas

“Dengan pelaksanaan peraturan ini, pelajar diwajibkan berpakaian kemas dan formal sepanjang waktu kuliah serta ketika membuat urusan pembelajaran di bangunan kampus.

“Kita mahu setiap pelajar menyedari bahawa memiliki amalan terbaik itu cukup penting dalam memastikan mereka menjadi insan lebih cemerlang, manakala melaksanakannya juga mudah tanpa perlu menggunakan wang.

“Diharap melalui usaha ini, UPM mampu melahirkan lebih ramai graduan berkualiti dalam aspek akademik dan sahsiah, sekaligus menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi kepada negara,” katanya.